

# Pandangan Pelajar Tentang Penggunaan Ayat Al-Quran Kepada Pelajar Bukan Islam Semasa Pengajaran

## Students' Views on The Teaching of Quranic Lines Towards Non-Muslim Students

Zanaton Hj. Iksan (Pengarang Penghubung)

Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Tel: +6019-6004627 E-mel: naim@ukm.my

Nor Sakinah Mohamad

Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Tel: +6019-2514743 E-mel: sakinah@ukm.my

Noor Hazwani Othman

Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
Tel: +6017-4134206 E-mel: angh\_az1004@yahoo.com

### Abstrak

Kursus Pengantar Pendidikan Bersepadu (GGGC1023) adalah kursus yang ditawarkan secara elektif kepada pelajar di luar Fakulti Pendidikan yang terdiri daripada berbilang kaum dan bidang pengajian. Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan Falsafah Pendidikan Negara melalui konsep Pendidikan Bersepadu dengan mengaplikasikan ayat Al-Quran dalam proses pengajaran. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan pandangan pelajar tentang penggunaan ayat Al-Quran dan Sunah dalam kalangan pelajar bukan Islam semasa proses pengajaran. Data dikumpul melalui respon soalan berstruktur yang perlu dijawab oleh pelajar selepas mengikuti kuliah selama 14 minggu. Sebanyak 119 respons telah dianalisis: 74 respons dari pelajar Islam (PI) dan 45 respons dari pelajar bukan Islam (PBI). Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 75.68% PI dan 97.78% PBI bersetuju dengan penggunaan ayat Al-Quran dan Sunah dalam kalangan pelajar bukan Islam semasa proses pengajaran. Manakala, sebanyak 24.32% PI dan 2.22% PBI kurang bersetuju terhadap perkara ini. Kategori yang menonjol berdasarkan

pandangan pelajar yang bersetuju terhadap perkara ini ialah faktor dakwah, kebenaran Al-Quran, kepercayaan kepada Tuhan, menghormati, nilai murni, panduan hidup, penambahan ilmu, penerangan, universal dan perpaduan. Bagi pelajar yang kurang bersetuju pula, kategori yang ditonjolkan ialah dakwah, menghormati, keliru, tidak selesa dan Al-Quran untuk orang Islam sahaja. Keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar bersetuju tentang penggunaan ayat Al-Quran semasa proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengemukakan tema yang hampir sama, namun terdapat segelintir pelajar yang kurang bersetuju kerana faktor kekeliruan tentang penggunaan ayat suci tersebut.

**Katakunci:** Persepsi; Ayat Al-Quran; Pelajar Islam; Pelajar bukan Islam; Pengajaran

### Abstract

Introduction to Integrated Education course (GGGC1023) is offered as an elective course to students from outside Faculty of Education which is comprised of various ethnic groups and fields of study. This course provided students

the opportunity to apply the Philosophy of Education through the concept of Integrated Education. Integrated education is based on the Quran and as-Sunnah as well as the integration of other disciplines to built community based on faith as its axis. Thus, this study aims to highlight the students' perceptions about their views on the use of verses from the Quran and as-Sunnah among non-Muslim students. Researchers have analyzed the views of students through from the structured questions after attending lectures for 14 weeks. A total of 119 students' responded which 74 Muslim students (PI) and 45 non-Muslim students (PBI) were selected to be analysed. Responses were selected based on thoughtful answers, personal experiences, showing a strong commitment to this course and discussion courses done either formally or informally. The findings showed that 75.68% PI and 97.78% PBI agree with the use of verses in the Quran and Sunnah among non-Muslim students during lectures, while 24.32% PI and 2.22% PBI do not agree on this matter. Themes that arise in view of students who agree on this matter which was factor, faith in God, respect, values, life guide, additional knowledge, information, and universal solidarity. For students who do not agree, the theme highlighted was the missionary, respect, confused, uncomfortable, and the Quran for Muslims only. Overall, the findings showed that most students agree on the use of verses from the Quran during the process of teaching and learning by providing a similar theme, but there were some students who did not agree because the factor of confusion about the use of Al-Quran.

**Keywords:** Perception; Quranic verses; Muslim; Non-Muslim; Teaching

## Pengenalan

Dalam usaha mencapai tahap negara maju, Malaysia tidak terlepas dari menghadapi masalah sosial dalam kalangan remaja. Ia dilihat semakin sukar dibendung kerana pengaruh luaran yang hebat seperti penggunaan

internet, lambakan gadget, pengaruh hiburan dan sebagainya. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi menangani masalah ini kerana masyarakat sedar akan kepentingan remaja pada masa akan datang. Pendekatan utama perlu diberi tumpuan ialah melalui proses pendidikan kerana ia merupakan proses pembangunan insan sepanjang hayat (Mohd. Kamal, 1988; Akmal et al., 2011). Dengan berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN), seharusnya pelajar yang dilahirkan mampu memiliki ciri-ciri insan cemerlang dunia dan akhirat kerana kurikulum pendidikan adalah untuk membina manusia yang patuh dan bertanggungjawab kepada Tuhan, sesuai dengan fitrah manusia sebagai makhluk ciptaanNya. Selain daripada itu, turut diketengahkan di dalam FPN ialah konsep bersepadu yang bermatlamat untuk meletakkan ilmu wahyu sebagai sumber asas kepada seluruh bidang ilmu sekaligus menghapuskan pengaruh sekular dan dualisme dalam hidup masyarakat Malaysia (Tajul Ariffin & Nor Aini, 2002).

Lanjutan itu, kursus pendidikan bersepadu merupakan kursus yang memberi penekanan terhadap FPN, seterusnya tujuan sebenar pendidikan yang telah dilalui bermula dari sekolah awal kanak-kanak sehingga ke pengajian tinggi. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada konsep pendidikan bersepadu yang berasaskan kepada tiga komponen utama iaitu Allah (Tuhan), Manusia (Insan) dan alam (Persekitaran) (Akmal et al., 2011). Pendidikan Bersepadu ini telah dibahas dalam Forum Pendidikan Bersepadu, di Univerisiti Kebangsaan Malaysia pada 30 Oktober 1984 sehingga membawa maksud "Pendidikan yang berteraskan Al-Quran dan Sunnah, di samping adanya integrasi ilmu akal ke arah membina komuniti ummah dengan berteraskan aqidah". Walaupun Al-Quran merupakan sumber asas dalam pendidikan Islam (Sarimah et al., 2011), namun sifatnya yang membawa hikmah dan Islam sebagai agama rasmi membolehkan ia disampaikan kepada semua orang terutamanya dalam konteks pendidikan. Justeru, Al-Quran dan Sunnah boleh diintegrasikan semasa pengajaran dan boleh dijadikan sumber rujukan

secara bersepadu dalam semua disiplin.

Kursus ini merupakan kursus elektif yang terbuka kepada semua pelajar. Pelajar yang mendaftar mempunyai kepelbagaian dari segi disiplin, bangsa dan agama. Kesepaduan ilmu dengan menggunakan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam proses pengajaran telah menjadi tanda tanya kerana tidak semua pelajar beragama Islam. Al-Quran adalah suatu kitab “hikmah” dan sesuai digunakan dalam proses pendidikan (Mohd Roslan & Imam, 2011). Namun, terdapat teori proses atau teori keputusan yang menganggap bahawa setiap keputusan yang dibuat oleh seseorang individu akan menentukan tingkahlakunya. Ianya juga didorong oleh faktor kognitif iaitu cara dia berfikir mengenai sesuatu (Abdullah & Ainon, 2006). Oleh yang demikian, satu kajian dijalankan bagi melihat apa yang difikir oleh pelajar ataupun persepsi dalam kalangan pelajar mengenai pengintegrasian Al-Quran dan Sunnah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk meneroka persepsi pelajar terhadap penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan pelajar bukan Islam semasa proses pengajaran. Pengumpulan data dilakukan dengan cara menganalisis soalan berstruktur yang dijawab oleh pelajar yang mengambil kursus Pengantar Pendidikan Sepadu pada semester 2 sesi 2010/2011 dan semester 1 sesi 2011/2012. Analisis soalan berstruktur ini mewakili 37.90% populasi sampel sahaja iaitu seramai 119 daripada 314 orang pelajar. Jawapan terhadap soalan berstruktur dipilih berdasarkan kepada jawapan yang bernas, menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap kursus ini serta keaktifan melakukan perbincangan. Sebelum pelajar menjawab soalan berstruktur, mereka telah mengikuti kuliah selama 14 minggu bagi mendapat kefahaman dan penerangan yang jelas mengenai intipati kursus iaitu konsep pendidikan bersepadu.

Soalan struktur yang diberikan kepada pelajar adalah untuk mendapatkan pandangan mereka tentang penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan pelajar bukan Islam semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kursus ini. Soalan struktur pelajar dianalisis secara tematik dengan menonjolkan beberapa tema untuk perbincangan lanjut. Tema-tema ini didefinisi berdasarkan pandangan pelajar.

## Hasil dan Perbincangan

Kursus Pengantar Pendidikan Sepadu merupakan kursus bertaraf pilihan bebas yang terbuka kepada pelajar dari luar Fakulti Pendidikan. Ini bermakna, pelajar yang mengambil kursus ini atas pilihan sendiri bagi memenuhi pengajian mereka di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Berdasarkan analisis soalan berstruktur mengenai pandangan pelajar tentang penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan pelajar bukan Islam, pengkaji telah menemui pelbagai respon yang menarik untuk dibincangkan. Dapatan kajian ini menunjukkan 75.68% pelajar Islam (PI) dan 97.78% pelajar bukan Islam (PBI) bersetuju dengan penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan pelajar bukan Islam (PBI) semasa proses pengajaran dan pembelajaran, manakala 24.32% pelajar Islam (PI) dan 2.22% pelajar bukan Islam (PBI) memberikan pendapat kurang setuju. Perincian data ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Persetujuan Pelajar Islam dan Pelajar Bukan Islam Mengenai Penggunaan Ayat Al-Quran dan Sunnah dalam Kalangan Pelajar Bukan Islam.


Kumpulan Pelajar	Setuju		Kurang Setuju	
	Frekuensi	%	F	%
Pelajar Islam (PI) (N = 74)	56	75.68	18	24.32
Pelajar Bukan Islam (PBI) (N = 45)	44	97.78	1	2.22
Jumlah	100		19	

Jadual 2: Tema-Tema Pandangan Pelajar Mengenai Penggunaan Ayat Al-Quran dan Sunnah Dalam Kalangan Pelajar Bukan Islam.

Bil	Tema	Setuju		Kurang Setuju	
		PI (N=56) (F%)	PBI (N=44) (F%)	PI (N=56) (F%)	PBI (N=44) (F%)
1	Dakwah	12	-	1	-
2	Kebenaran Al-Quran	2	-	-	-
3	Kepercayaan kepada Tuhan	-	5	-	-
4	Menghormati	20	9	3	-
5	Nilai murni	4	10	-	-
6	Panduan hidup	8	2	-	-
7	Penambahan ilmu	34(60.71)	21(47.73)	-	-
8	Penerangan	9	8	-	-
9	Universal	9	6	-	-
10	Perpaduan	10	8	-	-
11	Keliru	-	-	11	-
12	Tidak selesa	-	-	6	1
13	Untuk orang Islam	-	-	2	-
	Jumlah	108	69	23	1

### Pandangan pelajar yang bersetuju

Pelbagai tema yang menarik diperoleh dan mempunyai kesepadanan antara respon daripada PI dan PBI. Rajah 1 menunjukkan gambaran keseluruhan tema yang ditonjolkan oleh pelajar. Terdapat tujuh tema yang sama ditonjolkan oleh kedua-dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan pelajar Islam dan kumpulan pelajar bukan Islam. Namun, terdapat juga tema berlainan yang menunjukkan pemikiran yang berbeza antara kedua-dua kumpulan.



Rajah 1: Pandangan yang bersetuju tentang penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan Pelajar Bukan Islam dari perspektif pelajar Islam (PI) dan pelajar bukan Islam (PBI) Pandangan oleh kumpulan PI dan PBI

### Pandangan oleh kumpulan PI dan PBI

Terdapat tujuh tema yang sama ditonjolkan oleh kumpulan PI dan PBI. Kebanyakan pelajar dari kedua-dua kumpulan bersetuju dengan penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah di dalam kuliah yang disebabkan oleh faktor penambahan ilmu [PI: 34(60.71%), PBI: 21(47.73%)]. Selepas melalui kuliah, PI berpendapat bahawa penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan pelajar bukan Islam dapat memberi pengetahuan baru kepada mereka. Ianya juga bersesuaian dengan model-model pendidikan bersepadu yang digunakan di dalam kuliah. Selain daripada itu, PI menganggap bahawa penggunaan ayat suci ini bukanlah bertujuan untuk memaksa PBI untuk memeluk agama Islam tetapi kursus ini dapat memberi pendedahan kepada PBI untuk melihat dan mengetahui ajaran Islam. Hal ini turut disokong oleh pendapat PBI yang menyatakan bahawa menerusi kursus ini, banyak ilmu pengetahuan yang baru diperoleh. Mereka mendapat peluang untuk mengenali Islam dengan lebih dekat dan berasa kagum dengan ayat Al-Quran dan Sunnah yang dapat dikaitkan dengan pelbagai disiplin ilmu. Hakikatnya, guru sebagai *mu'allim*, *murabbi* dan *muaddib* mempunyai tanggungjawab dan peranan yang besar dalam pembentukan akhlak dalam diri pelajar melalui penggunaan ayat Al-Quran (Ab. Halim & Mohamad Khairul Azman,

2010). Selain ini, PBI juga berpendapat bahawa ianya sebagai kaedah pembelajaran yang baru kerana dikaitkan dengan kebaikan agama yang boleh diikuti oleh semua orang seperti pada petikan di bawah:

“Pada pendapat saya, penggunaan perkataan Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan orang bukan Islam dalam kursus ini dapat mewujudkan pemahaman dan menambahkan pengetahuan mereka tentang agama Islam di Malaysia. Pelajar bukan agama Islam akan lebih mengenali dan terdedah kepada disiplin dalam agama Islam dengan lebih mudah.”

[Pelajar bukan Islam: A132585 – FSSK]

“Saya sebagai seorang pelajar bukan Islam berpendapat bahawa penggunaan Al-Quran dan Sunnah merupakan satu kaedah pembelajaran yang baru kerana ia dikaitkan dengan kebaikan agama yang boleh diikuti oleh sesiapa sahaja. Malah pengetahuan tentang Al-Quran dan Sunnah juga merupakan suatu pengetahuan yang baru.”

[Pelajar bukan Islam: A134500 – FSSK]

“Pada pendapat saya, penggunaan perkataan Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan orang bukan Islam dalam kursus ini adalah wajar. Ini merupakan kewajipan kepada umat Islam dalam memelihara dan mempertahankan kesucian agama di mana perkataan Al-Quran dan Sunnah itu sendiri telah menunjukkan bahawa golongan bukan Islam juga layak untuk mempelajari dan mendalami keindahan Al-Quran dan Sunnah.”

[Pelajar Islam: A133077 – FSSK]

Seterusnya, pengkaji melihat bahawa kursus ini mampu untuk menerapkan nilai-nilai murni (tema kedua) dalam diri pelajar seperti yang telah dinyatakan oleh Jawatankuasa Pendidikan Akhlak 1976. Melalui maklum balas yang diperoleh daripada pandangan wakil dari pelbagai agama, 16 nilai murni telah disepakati

yang bersifat universal dan perlu disemai dalam diri pelajar di negara ini (Asmawati, 2009). Hal ini penting bagi membentuk pelajar yang berperibadi mulia dan mampu dalam membuat keputusan berdasarkan nilai moral diri, keluarga, komuniti dan masyarakat. Menurut Andi (2010), Al-Quran adalah panduan yang utama dalam memandu kehidupan manusia bukan sahaja kepada orang Islam, malah juga kepada orang bukan Islam. PI menyatakan bahawa setiap model pendidikan bersepadu yang diterangkan mempunyai asas kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan iaitu akidah. Maka, ianya tidak lari daripada mengambil Al-Quran dan Sunnah sebagai rujukan pembelajaran. Justeru, pelajar bukan Islam boleh menggunakan ayat Al-Quran dan Sunnah selagi mana mereka tidak mempertikaikan, mempermainkan serta menghina ayat suci tersebut yang boleh menyentuh isu sensitiviti orang Islam. Ianya juga dapat mengurangkan tanggapan negatif sesetengah individu mengenai ajaran dan penganut agama Islam. Dalam erti kata lain, PI dan PBI perlu menghormati ayat suci ini (tema ketiga) dan mengambilnya sebagai suatu ilmu untuk diri. Dari sudut pandangan PBI pula, mereka menerima penggunaan ayat suci ini dengan terbuka dan positif. Selain daripada mendapat pendedahan tentang nilai-nilai murni yang terdapat di dalam Al-Quran dan Sunnah, mereka juga menghormati ayat suci tersebut kerana mengetahui bahawa ianya merupakan pegangan utama bagi orang Islam. Antara pendapat mereka ialah: (1) Al-Quran dan Sunnah dapat memberikan tunjuk ajar yang positif; (2) Mengetahui bahawa terdapat ayat yang boleh diaplikasi dalam kehidupan seharian dan membuka pemikiran tentang ajaran agama lain.;(3) Dapat meningkatkan personaliti sekaligus dapat melahirkan modal insan yang seimbang dari segi intelek dan rohani; (4) Mendapat idea yang bernas mengenai cara kehidupan yang baik; (5) Menunjukkan kekuatan ajaran Islam.

“Pada pendapat saya, ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan orang bukan Islam seperti saya, saya amat bersetuju apabila ilmu

wahyu ini diterapkan dalam konteks pendidikan bersepadu kerana ia memberikan motivasi, jatidiri, pengajaran bagi membentuk pelajar yang normal dan berkualiti, membentuk suasana yang muhibbah serta dapat melahirkan insan yang seimbang serta percaya kepada Tuhan. Maka, perkembangan ilmu akal yang kita ada harus selari dengan berpandukan ilmu wahyu.”

[Pelajar bukan Islam: A132499 – FSSK]

“Mengikuti pendapat saya, penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah seharusnya amat digalakkan kerana ia menunjukkan kekuatan agama Islam. Namun begitu, masyarakat bukan Islam yang menggunakan perkataan tersebut seharusnya tahu larangan dan hak mereka supaya tidak menyalahgunakan perkataan tersebut sehingga mencetuskan masalah.”

[Pelajar bukan Islam: A128962 – FSSK]

“Bagus...sekurang-kurangnya memberi tanggapan kepada mereka bahawa umat Islam dalam menjalani kehidupan harian berpegang kepada Al-Quran dan Sunnah dan itulah kekuatan umat Islam.”

[Pelajar Islam: A126433 – FEP]

Seperti respon yang dinyatakan oleh PBI, mereka memerlukan penerangan (tema keempat) agar dapat memahami ayat suci tersebut. PBI bersetuju dengan penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah di dalam kuliah tetapi mereka berharap agar pensyarah kursus dapat memberi penerangan dan takrif bagi ayat yang digunakan. Pensyarah juga perlu mengaitkan ayat yang digunakan dengan konsep bersepadu supaya pembelajaran kursus lebih menarik dan PBI lebih memahami maksud ayat suci yang digunakan. Dengan itu, PBI dapat mengetahui akan larangan dan had yang sesuai menggunakan ayat tersebut bagi mengelakkan salah faham dan mencetus kepada masalah. PI juga mempunyai pendapat yang sama dengan PBI iaitu pensyarah dapat mengaitkan ayat suci yang digunakan dengan konsep bersepadu dan membuat penjelasan awal

agar dapat memberi pemahaman asas kepada PBI sekaligus mengelakkan kekeliruan mereka.

“Penggunaan perkataan Al-Quran dan Sunnah adalah susah bagi kalangan orang bukan Islam untuk memahami konsep tersebut. Namun begitu, pemilihan perkataan-perkataan tersebut bersertakan konsep yang dirujuk daripada wahyu boleh melahirkan insan yang bernilai moral, berjaya, bersyukur, berkualiti dan sebagainya.”

[Pelajar bukan Islam: A132759 – FSSK]

“...Namun, perlunya penerangan yang baik kepada mereka tentang perkataan ini supaya kelihatan mudah dan jelas dengan memperlihatkan betapa cantiknya konsep kesepaduan ilmu yang berteraskan ilmu wahyu ini dengan cara kita sebagai umat Islam menunjukkan *qudwah hasanah* kepada mereka.”

[Pelajar Islam: A123476 – FSSK]

Seterusnya, PI dan PBI berpendapat bahawa faktor universal (tema kelima) dan panduan hidup (tema keenam) yang menyebabkan mereka bersetuju dengan penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan pelajar bukan Islam. Tema ini timbul berdasarkan pendapat mereka yang menyatakan bahawa ayat Al-Quran dan Sunnah merupakan perkataan yang mengajak kepada kebaikan dan boleh diikuti oleh sesiapa sahaja. Orang bukan Islam juga mempunyai hak untuk mempelajari dan mendalaminya menurut pandangan PI. Mereka juga mengakui bahawa Al-Quran dan Sunnah menjadi garis panduan hidup kepada semua manusia dan memberi pelbagai manfaat bagi sesiapa yang memanfaatkannya sepertimana yang dinyatakan oleh Sayyid Qutb dalam kitab *fi Zilal Al-Quran* (Asyraf et al., 2011).

“Dalam konsep orang bukan Islam, penggunaan perkataan Al-Quran dan Sunnah merupakan garis panduan kehidupan manusia. Selain itu, Al-Quran dan Sunnah juga merupakan pendidikan moral bagi manusia supaya tidak membuat perkara yang berdosa.”

[Pelajar bukan Islam: A130452– FEP]

“Mengikut kefahaman saya, perkataan ini boleh mengeluarkan umat manusia dari kegelapan kepada cahaya yang terang benderang serta menunjukkan mereka jalan yang lurus.”

[Pelajar Bukan Islam: A133279– FEP]

“Pada pendapat saya, penggunaan perkataan Al-Quran dan Sunnah bukanlah menjadi suatu masalah kepada orang bukan Islam. Hal ini demikian kerana panduan di dalam Al-Quran dan Sunnah bukanlah dikhususkan kepada orang Islam sahaja. Seperti yang kita ketahui terdapat cendekiawan-cendekiawan dan individu yang bukan beragama Islam berminat untuk mengkaji dan meneliti kandungan Al-Quran kerana terdapat pelbagai ilmu dan manfaat di dalamnya.”

[Pelajar Islam: A133086– FSSK]

Tema terakhir yang dinyatakan oleh para pelajar ialah perpaduan (tema ketujuh) di mana kursus ini membuatkan pelajar lebih bersikap terbuka dan bertoleransi sesama bangsa dengan perbezaan agama. Konsep 1 Malaysia membuatkan pelajar sedia menerima pengetahuan baru dan mereka lebih mengenali budaya lain. Islam sebagai agama rasmi dapat memperkukuhkan lagi perpaduan sesama PI dan PBI ketika mempelajari kursus ini.

“Saya sebagai seorang pelajar bukan Islam tidak menganggap ia sebagai sesuatu yang salah. Sebagai seorang warga negara Malaysia yang kini giat mengamalkan konsep 1 Malaysia perlu sedia menerima budaya lain.”

[Pelajar bukan Islam: A128734 – FSSK]

“Seperti yang telah kita ketahui Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama dan agama Islam merupakan agama rasmi negara. Jadi, mereka akan menerima setiap perbezaan yang wujud kerana ianya akan lebih mengukuhkan

perpaduan dalam kalangan masyarakat.”

[Pelajar Islam: A134796 – FSSK]

*Pandangan Pelajar Islam (PI) sahaja*

Terdapat dua tema yang dinyatakan oleh PI berkaitan penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan pelajar bukan Islam iaitu tema dakwah dan tema kebenaran Al-Quran. Pelajar Islam berpendapat bahawa melalui kursus ini ianya dapat menjadi platform untuk berdakwah kepada pelajar-pelajar lain. Dakwah memberi erti menyeru, mengajak atau memanggil. Tugas dakwah adalah wajib bagi orang Islam dan sasarannya ialah semua manusia sama ada orang Islam mahupun bukan Islam. Ianya perlu dilaksanakan secara bijaksana, hikmah dan nasihat untuk meningkatkan kualiti hidup sebagai manusia yang meliputi aspek penerangan, pendidikan dan pengajaran (Fariza, 2000). Oleh yang demikian, medium yang digunakan oleh pensyarah bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pelajar sebagai pembelajaran sepanjang hayat.

“Sepertimana dalam kuliah, pensyarah ada menyatakan bahawa setiap daripada kita adalah guru atau pendidik, jika bukan orang lain yang kita didik, kita akan cuba mendidik diri sendiri supaya menjadi lebih baik dari semasa ke semasa selaras dengan kehendak Pencipta kita.”

[Pelajar Islam: A127097 – FST]

Selain daripada itu, menurut Fariza, Sulaiman dan Ideris (2000), semua umat Islam telah bersepakat bahawa maudu' dakwah ataupun mesej dakwah ialah Al-Quran dan Sunnah. Hal ini kerana kebenaran Al-Quran dan Sunnah sebagai mesej dakwah mampu untuk memberi penjelasan dan perincian secara khusus dalam pelbagai persoalan sama ada soal akidah, ibadah mahupun kehidupan. Seperti yang dinyatakan oleh pelajar ialah penggunaan ayat suci ini dapat mendidik diri ke arah yang lebih baik selaras dengan kehendak Maha Pencipta untuk menjadi insan kamil. Melalui kuliah ini, pensyarah dan

pelajar Islam mempunyai ruang dan peluang untuk memberikan penjelasan mengenai ayat-ayat suci yang sering digunakan dalam kehidupan seharian. Selain daripada itu, ianya juga menjadi peringatan buat pelajar Islam sendiri akan kebesaran dan kebenaran Al-Quran dan Sunnah. Dua orang PI bersetuju bahawa pendekatan yang digunakan oleh pensyarah dapat membuktikan kebenaran Al-Quran dalam kalangan pelajar bukan Islam.

“Bagi saya dengan adanya pendedahan melalui kursus ini dapat membuka mata orang bukan Islam untuk melihat kebesaran yang terdapat dalam Al-Quran itu.”

[Pelajar Islam: A129729 – FSSK]

“Saya juga berpendapat ia sedikit sebanyak dapat memberi perangsang kepada orang bukan Islam memahami dan mengkaji setiap apa yang ditonjolkan dalam Islam kerana mungkin mereka sebelum ini tidak memahami Islam itu mudah dan semuanya telah tercatat kerana semua yang di ceritakan dalam Al-Quran adalah benar.”

[Pelajar Islam: A131132– FSSK]

### *Pandangan Pelajar Bukan Islam (PBI) sahaja*


Daripada 44 orang PBI, terdapat lima orang yang bersetuju dengan penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah di dalam kuliah kerana faktor kepercayaan kepada Tuhan. Mereka berasa kuliah ini mudah difahami kerana ianya berkaitan dengan konsep ketuhanan yang mana setiap agama mengajar kepada ilmu ketuhanan, maka ianya akan membawa kepada keberkatan hidup. Di samping itu, menerusi kuliah ini, mereka dapat mendekati diri dengan Tuhan dan mempelajari tentang konsep bersyukur dengan nikmat dari Tuhan.

“Pada pendapat saya penggunaan perkataan Al-Quran dan Sunnah amat munasabah kerana dapat memberi maklumat tentang konsep bersyukur dengan segala nikmat dari pencipta (Tuhan).”

[Pelajar Bukan Islam: A135468 – FSSK]

### **Pandangan pelajar yang kurang setuju**

Dapatan menunjukkan terdapat juga PI dan PBI yang kurang bersetuju dengan penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan pelajar bukan Islam di dalam kuliah. Antara faktor yang dinyatakan oleh mereka ialah, kluatir pelajar bukan Islam akan keliru dengan penggunaan ayat tersebut, tidak menghormati, berasa tidak selesa dan beberapa tema lain yang timbul. Tema-tema tersebut dinyatakan seperti pada Rajah 2.



Rajah 2: Pandangan yang kurang bersetuju tentang penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah dalam kalangan Pelajar Bukan Islam dari perspektif pelajar Islam (PI) dan pelajar bukan Islam (PBI)

### *Pandangan Pelajar Islam (PI) dan (PBI)*

Terdapat enam orang PI dan seorang PBI berasa tidak selesa dengan penggunaan ayat suci Al-Quran di dalam kuliah. Menurut PI, penggunaan ayat tersebut tidak perlu digunakan 100% kerana untuk menjaga sensitiviti orang bukan Islam. Ianya melibatkan soal kepercayaan agama dan dilihat seperti berat sebelah. Seorang PI menganggap bahawa PBI tidak memahami dan tidak berminat walaupun mereka menghormati orang Islam. Bagi pandangan PBI pula, dia berasa seolah-olah kursus ini cenderung kepada agama Islam. Ketidakselesaan mereka dinyatakan seperti petikan di bawah.

“Pada pendapat saya, penggunaan perkataan Al-



Quran dan Sunnah dalam kalangan orang bukan Islam dalam kursus ini merupakan satu masalah yang besar. Hal ini kerana ia merupakan soal kepercayaan dan agama seseorang. Walaupun ia boleh memberi kefahaman kepada mereka tentang penyampaian isi dalam kuliah tetapi kefahaman itu tidak disertakan dengan praktik yang bersandarkan kepada ilmu daripada Al-Quran dan Sunnah. Hal ini jelas kerana agama anutan mereka adalah berbeza dan pemahaman mereka terhadap ilmu Al-Quran dan Sunnah tidak disertakan dengan iman.”

[Pelajar Islam: A130148 – FSSK]

“Terpulang tetapi sebaiknya penggunaannya tidak 100 peratus kerana kita perlu menjaga sensitiviti mereka. Takut mereka tidak menyenangi penggunaan ayat-ayat ini kerana ianya akan menimbulkan spekulasi (seperti “kami ini belajar pendidikan Islam atau pendidikan bersepadu”) kemungkinan pelajar yang ekstrem terhadap agama mereka akan hilang minat belajar pendidikan bersepadu.”

[Pelajar Islam: A130324 – FSSK]

“Teringat bahawa kursus ini lebih mencenderungi kepada agama Islam.”

[Pelajar Bukan Islam: A128944 – FST]

#### *Pandangan Pelajar Islam (PI) sahaja.*

Terdapat 18 orang PI yang kurang bersetuju penggunaan Al-Quran disebabkan faktor dakwah, tidak menghormati, keliru dan menganggap Al-Quran hanya untuk orang Islam sahaja. Bagi faktor dakwah, PI beranggapan PBI tidak suka jika pensyarah menyentuh isu ketauhidan kerana seolah-olah pensyarah mempunyai tujuan untuk berdakwah, seperti dinyatakan di bawah.

“Di kalangan bukan Islam mungkin tidak disenangi dan mungkin juga tidak menjadi masalah. Ini kerana setiap agama mengajarkan kebaikan kepada manusia. Sekiranya perkataan

yang dibaca dalam Al-Quran dan hadis memberi maksud yang baik dan positif kemungkinan disenangi oleh bukan Islam. Tetapi dalam hal ketauhidan yang dibicarakan menyebabkan bukan muslim agak tidak suka seolah-olah berdakwah.”

[Pelajar Islam: A132535 – FSSK]

Faktor seterusnya ialah menghormati. Di sini, PI melihat bahawa apabila pensyarah menggunakan ayat suci tersebut, PBI tidak menunjukkan minat dan kesungguhan dengan maklumat yang disampaikan. Tingkah laku sebegini menunjukkan seolah-olah mereka tidak menghormati ayat suci tersebut seperti yang dinyatakan oleh pelajar berikut:

“Pada pendapat saya, secara jujurnya penggunaan perkataan Al-Quran dan Sunnah dalam kursus tidak relevan kerana tiada minat atau kesungguhan yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar bukan Islam. Mereka tidak begitu menghormati Al-Quran dan Sunnah.”

[Pelajar Islam: A127632 – FSSK]

Kebanyakan PI juga bersetuju mengenai faktor kekeliruan terhadap penggunaan ayat suci ini. Pada pandangan mereka, PBI tidak memahami ayat yang dibacakan dan keadaan ini boleh menyebabkan mereka menyalahgunakan ayat tersebut sehingga boleh menyebabkan tersalah tafsir terhadap maksud sebenar ayat yang digunakan. Terdapat juga pelajar yang kurang setuju penggunaan ayat Al-Quran kerana PBI tiada asas ajaran agama Islam dan tidak tahu bahasa Al-Quran atau bahasa Arab. Namun, mereka mencadangkan agar pensyarah menggunakan elemen akhlak atau moral sebagai intipati kuliah, sebaliknya bukanlah menggunakan ayat Al-Quran dan Sunnah. Antara lain, pelajar beranggapan isu penggunaan kalimah Allah tidak boleh menyebabkan kekeliruan kepada pelajar bukan Islam.

“Walaupun bagaimanapun, ia merupakan masalah

yang lebih terpusat kepada penggunaan istilah tetapi tidak pada intipati sesuatu ilmu. Orang Islam akan mempercayai Al-Quran dan Sunnah sebagai ilmu wahyu yang menentukan akhlak dan nilai-nilai murni. Begitu juga dengan orang bukan Islam akan berpegang kepada moral dan nilai-nilai murni daripada agama mereka. Tuntasnya, akhlak atau moral dan nilai-nilai murni itulah sebenarnya intipati yang harus diharmonikan dengan ilmu akal. Maka, penerangan dalam kursus ini harus lebih fleksibel terhadap penggunaan istilah tanpa mengabaikan intipati sebenarnya.”

[Pelajar Islam: A130148 – FSSK]

“Saya tidak bersetuju penggunaan perkataan Al-Quran dan Sunnah dalam kursus ini kepada orang bukan Islam. Seperti juga penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam yang tidak dibenarkan kerana telah menimbulkan kekeliruan dan banyak kes yang dipaparkan dalam media cetak dan elektronik mengenai orang bukan Islam menghina kalimah Allah. Ini sangat berbahaya kerana dapat memesongkan akidah umat Islam.

[Pelajar Islam: A130035 – FSSK]]

Sungguhpun begitu, terdapat pelajar Islam yang bersetuju dengan penggunaan ayat suci di dalam kuliah telah menerangkan isu penggunaan kalimah Allah. Menurut pelajar, penggunaan kalimah Allah tidak salah selagi tidak menyamakan Allah dengan tuhan selain daripada agama Islam.

“Enakmen Kawalan Pengembangan Agama Bukan Islam di Kalangan Orang Islam itu mewujudkan kesalahan yang boleh dilaksanakan di Mahkamah Sivil dan menyatakan dengan terperinci kalimah serta frasa yang tidak boleh digunakan bukan Islam bagi merujuk agama mereka. Ramai cuba berhujah berkaitan undang-undang ini walaupun mereka sendiri tidak pernah membaca undang-undang itu. Undang-undang ini bukan menghalang orang bukan Islam menyebut kalimah dan frasa mempunyai

asal agama Islam tetapi menjadi kesalahan jika kalimah dan frasa itu dirujuk untuk agama bukan Islam. Umpamanya kalimah Allah, Baitullah, Kaabah dan solat jika dirujuk kepada agama Islam tidak menjadi kesalahan bagi bukan Islam mengucapkannya. Ia hanya menjadi kesalahan jika kalimah itu dirujuk kepada agama bukan Islam seperti Allah sebagai tuhan penganut Kristian, Baitullah sebagai gereja orang Kristian ataupun solat sebagai upacara sembahyang penganut Kristian. Selain kalimah dan frasa, undang-undang itu melarang penerbitan bahan agama bukan Islam diberikan kepada orang Islam.”

[Pelajar Islam: A128140 – FSSK]

Faktor terakhir yang dinyatakan oleh PI ialah Al-Quran dan Sunnah hanya untuk orang Islam sahaja. Mereka berpendapat bahawa kesucian ayat tersebut perlu dijaga dan tidak boleh digunakan dalam kalangan PBI. Namun, mereka boleh menggunakan ayat tersebut sekiranya mereka mempunyai minat dengan Islam sahaja.

“Pada pendapat saya orang bukan Islam dalam kursus ini kurang menggunakan perkataan Al-Quran dan Sunnah kerana mereka tahu perkataan tersebut merupakan kitab suci orang Islam seterusnya menganggap hanya untuk orang Islam sahaja kerana mereka juga tidak terlalu terdedah perkataan tersebut.”

[Pelajar Islam: A129458 – FST]

“Pada pendapat saya, ianya tidak wajar kerana Al-Quran dan Sunnah ini digunakan dalam kalangan orang bukan Islam. Hal ini demikian kerana Al-Quran dan Sunnah ini adalah panduan hidup bagi umat Islam. Walau bagaimanapun, mereka boleh menggunakannya jika mereka ingin mendalami dengan lebih tentang agama Islam.”

[Pelajar Islam: A127972 – FSSK]

Dapatan di atas menunjukkan terdapat beberapa kekeliruan yang timbul dalam kalangan pelajar

Islam terhadap penggunaan ayat Al-Quran. Kekeliruan ini juga dibincangkan oleh Hariz (2008) dalam berbagai sudut. Kekeliruan ini perlu diatasi dengan cara guru memberi kesedaran ilmu kepada pelajar tentang peranan Al-Quran dan konsep dakwah.

Kajian ini dapat disimpulkan bahawa penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah boleh dilakukan semasa proses pengajaran walaupun pelajar berbagai kaum dan agama kerana pelajar di peringkat pengajian tinggi memahami bahawa ia merupakan sumber ilmu yang perlu dikongsikan. Namun, semua pihak perlu berfikiran terbuka, berhujah secara kritis dan memberi penerangan secara berhemah semasa menggunakan ayat Al-Quran. Dengan itu, ayat Al-Quran akan lebih difahami secara menyeluruh oleh pelajar dan mudah baginya untuk mengaitkan dengan disiplin ilmu yang dipelajari.

### **Kesimpulan**

Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa PBI sedia menerima penggunaan dan pendedahan terhadap ayat suci Al-Quran dan Sunnah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan, ternyata penggunaan ayat suci tersebut memberikan persepsi yang positif terhadap diri mereka dan agama Islam sendiri. Tema-tema yang dijelmakan juga mempunyai kesepadanan dengan persepsi PI yang sedia terdedah dengan ayat suci Al-Quran sejak dari kecil. Walau bagaimanapun terdapat segelintir PBI dan PI kurang bersetuju tentang penggunaan ayat Al-Quran dan Sunnah. Dalam hal ini pengkaji mengambil langkah yang terbaik dengan kembali kepada definisi Konsep Bersepadu dan Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi rujukan dan matlamat pendidikan seluruhnya. Justeru, pelajar perlu menimba ilmu agama secara kritis bagi menghayati amalan ibadah harian mereka.

### **Rujukan**

Ab. Halim, T. & Mohamad Khairul Azman, A. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'alim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1):43-56.

Abdullah, H. & Ainon, M. (2006). *Guru Sebagai Pendorong dalam Darjah*. Ed. Ke-5. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.

Akmal, A. H., Hussin, S., Ismail, S. N., Rohana H., & Muhammad Sukri, S. (2011). Pendidikan, Kurikulum dan Masyarakat: Satu Integrasi. *Journal of Edupres*, 1:350-356.

Andi, P. (2010). Implementasi Al-Quran dan Al-Hadits pada Arsitektur Andalusia. *Journal of Islamic Architecture*, 1(1): 21-26.

Asyraf, A. R., Wan Ibrahim, W. A., & Nooraihan, A. (2011). Fi Zilal Al-Quran: Sayyid Qutb's Contemporary Commentary on the Qur'an. *International Journal of Business and Social Science*, 2(12):281-288.

Asmawati, S. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep & Amalan*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.

Fariza M. S., Sulaiman, I., & Ideris, E. (2000). *Dakwah & Perubahan Sosial*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.

Hariz, K. (2008). The Misconceptions of Islam and Muslims: A Historical Perspective. *The Halal Journal*. Dipetik dari <http://www.halaljournal.com/article/3120/the-misconceptions-of-islam-and>.

Mohd. Kamal, H. (1988). *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*. Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mohd Roslan, M. N., & Imam, B. (2011). Iqbal's Philosophy on Islamic Education: A Historical Perspective. *Global Journal Al Thaqafah*. 1(1):15 – 24. doi: 10.7187/GJAT022011.01.01

Sarimah, M., Mohd Kashfi, M. J., Ab. Halim, T., & Kamarulzaman, A. G. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor. *Global Journal Al Thaqafah*. 1(1): 71-77. doi: 10.7187/GJAT072011.01.01

Tajul Ariffin, N., & Nor Aini, D. (2002). Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu. As-Syabab Media, Selangor, Malaysia.